

03 DEC 2003

Dewan-Kedah (Pelan)

KERAJAAN KEDAH KERJA KERAS PASTIKAN PTKM BERJAYA

ALOR STAR, 3 Dis (Bernama) -- Pelan Tindakan Kedah Maju 2010 (PTKM), yang bertujuan menjadikan Kedah setanding negeri maju yang lain, akan dipastikan mencapai kejayaan, kata Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Tenaga, Komunikasi, Multimedia dan Badan-Badan Sukarela, Rosnah Majid.

"Mana-mana pelan, ada yang kita puas hati dan ada yang kita tidak puas hati dan apa yang penting kita sentiasa menjalankan kajian semula bagi memastikan matlamat tercapai," katanya menjawab soalan Md Rozai Shafian (BN-Sungai Tiang) pada Persidangan Dewan Undangan Negeri di sini hari ini.

Beliau berkata beberapa projek yang dilaksanakan di bawah pelan berkenaan telah mencapai kemajuan melebihi 50 peratus, umpamanya hospital baru di Alor Star dan Sungai Petani, Kolej Pertanian, terminal haji di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas dan dua hospital swasta iaitu Kedah Medical Centre di Alor Star serta Hospital Metro di Sungai Petani.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Pembangunan Usahawan Datuk Othman Ishak pula berkata masalah keruntuhan moral di kalangan pelajar sekolah di negeri ini adalah terkawal.

Menjawab soalan ketua pembangkang Azizan Razak (PAS-Sala) yang bertanya masalah keruntuhan moral di sekolah kebangsaan berbanding Sekolah Agama Rakyat (SAR), Othman berkata perbandingan itu tidak dapat dibuat kerana tidak mempunyai data bagi SAR.

Semasa sesi penggulungan perbahasan Bajet negeri 2004, Rosnah memberitahu persidangan dewan bahawa kerajaan negeri membatalkan penyenaian Kulim Hi-Tech Park (KHTP), di papan utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kerana keadaan pasaran saham yang tidak menentu.

Beliau berkata mengambil kira situasi ekonomi dunia yang tidak stabil pada penghujung 2001 dan berterusan pada 2002, kerajaan negeri berada di persimpangan sama ada meneruskan penyenaian itu.

Katanya KHTP yang merupakan anak syarikat kerajaan negeri yang menyediakan infrastruktur untuk industri berteknologi tinggi, mungkin akan disenaraikan semula pada masa depan, bergantung kepada prestasi BSKL dan KHTP sendiri.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah yang turut menggulung perbahasan berkata Bank Pertanian telah menerima sebanyak 3,400 permohonan dari seluruh Kedah bagi Skim Kredit Mikro.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 1,667 permohonan telah diluluskan dengan melibatkan sejumlah wang RM15.9 juta," katanya.

Persidangan dewan yang berlanjutan sehingga 7 petang, kemudiannya meluluskan Bajet negeri 2004 yang dibentangkan Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, pada Ahad lepas.

Persidangan itu juga meluluskan dua usul dengan sebulat suara iaitu usul ucapan takziah kepada Sultan Kedah berikutan kemangkatan Sultanah Kedah pada 26 Ogos lepas.

Usul kedua yang diluluskan adalah penghargaan dan terima kasih kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap sumbangan serta perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat dan negeri Kedah semasa beliau menjadi Perdana Menteri.

Selain itu Enakmen Majlis Bandaraya Alor Star 2003 juga diluluskan dengan sebulat suara.

Persidangan dewan ditangguhkan ke satu tarikh yang akan ditetapkan

kemudian.  
-- BERNAMA  
MZM ROS